

10 NOV 2002
Salleh-Iraq
AHLI POLITIK IRAQ PANDANG TINGGI KEPIMPINAN NEGARA

KOTA KINABALU, 10 Nov (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Salleh Tun Said, yang baru kembali daripada menyertai lawatan delegasi Malaysia ke Iraq, berasa bangga kerana ahli-ahli politik negara itu memandang tinggi kepimpinan Malaysia.

Beliau berkata dalam pertemuan dengan ahli politik dan pemimpin negara itu sepanjang lawatan berkenaan, mereka menyatakan penghormatan terhadap pendirian konsisten Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mereka anggap sebagai suara yang praktis terhadap permasalahan antarabangsa khususnya yang membabitkan konflik di rantau itu.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita rasa bangga apabila mereka menyuarakan penghormatan terhadap kepimpinan negara," katanya kepada Bernama dalam satu temubual sekembalinya daripada lawatan ke negara Asia Barat itu, hari ini.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan empat hari itu yang bermula Selasa lepas.

Khalil turut mengunjungi Presiden Iraq Saddam Hussein.

Dalam lawatan yang padat dengan aturcara itu, delegasi Malaysia turut mengunjungi Naib Presiden Iraq Taha Yassin Ramadhan dan Timbalan Perdana Menteri, Tareq Aziz.

Salleh yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri berkata kalangan pemimpin negara itu yakin bahawa Malaysia mempunyai peranan penting dalam menengahkan isu-isu antarabangsa.

"Mereka juga menghargai kedatangan delegasi Malaysia ke negara itu walaupun negara itu berhadapan dengan suasana tidak menentu sekarang," katanya.

Malaysia dan Iraq, yang mempunyai 23.6 juta penduduk, mula menjalinkan hubungan diplomatik pada 1958. Iraq menubuhkan kedutaannya di Kuala Lumpur pada 1973 manakala kedutaan Malaysia di Baghdad ditubuhkan pada 1975.

Ketika ditanya mengenai pemerhatian beliau terhadap situasi di negara itu yang kini berhadapan dengan kemungkinan diserang Amerika Syarikat, Salleh berkata mereka kelihatan tenang menghadapi keadaan itu.

"Mereka juga menunjukkan semangat patriotisme yang tinggi dan memberi sokongan padu kepada pemimpin mereka Presiden Saddam Hussein seperti mana yang ditunjukkan dalam satu referendum bulan lepas," katanya.

Dalam referendum Presiden itu, kira-kira 11.5 juta rakyat Iraq yang layak mengundi memberi mandat 100 peratus kepada Presiden Saddam menerajui negara itu bagi tempoh tujuh tahun lagi.

Selain kunjungan terhadap pemimpin, delegasi Malaysia juga menghadiri majlis berbuka puasa anjuran parti Ba'ath, iaitu parti pemerintah di Iraq, serta berbuka puasa dengan pelajar-pelajar Malaysia di negara itu.

Dalam perjalanan pulang ke tanah air, Salleh singgah di Amman, Jordan dan berjumpa pelajar Malaysia di sana serta berbuka puasa dengan Kelab Umno di ibu kota itu.

-- BERNAMA

JS NAK